

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 31 May 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti aims to provide long-term capital appreciation by investing in Shariah-compliant investments with exposure to the Greater China region.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal jangka panjang dengan melabur di dalam pelaburan patuh Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Eastspring Investments Dinasti Equity Fund	101.52
2 Cash, Deposits & Others	-1.52

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/04/2010
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM797,921,701.67
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.98419

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti Vs. Dow Jones Islamic Market Greater China Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	9.36%	27.13%	36.22%	59.71%	60.61%	-5.40%	198.42%
Benchmark / Penanda Aras	5.48%	12.07%	16.74%	33.13%	48.71%	-3.04%	231.23%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	3.88%	15.06%	19.48%	26.58%	11.90%	-2.36%	-32.81%

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 31 May 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2026 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Market Review

May 2026 was shaped by two dominant macro themes: the ongoing Iran war and the accelerating global AI investment cycle. The Iran conflict continued to disrupt energy supply chains and global trade routes, pushing oil prices higher and stoking inflationary pressures across developed markets. The US 30-year Treasury yield briefly touched 5% in early May as traders priced in a potential Fed rate reversal, while the ECB signalled a June rate hike as eurozone CPI re-accelerated above 3%. On the trade front, the Trump-Xi summit in Beijing in mid-May — the first US presidential state visit to China in nine years — resulted in an agreement to establish bilateral trade and investment boards to address market access and agricultural concerns. Beyond the Trump-Xi summit, Beijing introduced new outbound investment regulations (effective July 1) signal a clear shift toward tightened state control over capital, technology, and data flows, expanding oversight beyond traditional outward direct investments to include IP transfer, services, and personnel-related know-how, while explicitly banning unauthorized export of state-restricted technologies and data in overseas activities. At the same time, the framework introduces stronger enforcement (fines, divestment orders, personal liability) and a national security review layer, materially raising execution and compliance risks for cross-border investments—especially in sensitive sectors like AI and semis. China's NBS manufacturing PMI suggests that the growth momentum eased a bit in May as the reading edged down to 50.0 from 50.3 in April. Non-manufacturing PMI rebounded to 50.1 (vs. 49.4), driven by a recovery in services and a modest improvement in construction activity. Taiwan's May manufacturing PMI rose to 56.1 (from 55.3 in April), the highest reading since August 2021 and the sixth consecutive month of expansion. Output rose to 55.6, also the highest since July 2021, with new orders accelerating. This compares to a reading of just 48.6 a year ago in May 2025, underscoring the dramatic turnaround in Taiwan's manufacturing cycle. The Dow Jones Greater China Islamic Market Index rose 5.65% in USD terms in May. Shanghai Shenzhen 300 rose 2.71% in USD terms whilst the MSCI China fell 3.40% and the Hong Kong's Hang Seng index fell 2.34%. Meanwhile, the Taiwan's stock market rose 16.02% in the month. During the month, Fund returned 9.36% outperforming the benchmark by 388 bps in the month. Major contributors included overweight holdings in Taiwan with overweight stance on China and Taiwan AI technology stocks which benefitted from strong performance of AI theme in the month .

Fund Review & Strategy

The Fund remains constructive on China going into the second half of 2026. Overall economic data has shown that China remains resilient against trade frictions and impacts from recent geopolitical escalations. Despite lingering property downturn, softer domestic spending, and global uncertainties, strong exports, are expected to continue supporting strong performance in upstream resource sectors and export-driven mid- to high-end manufacturing. Stronger-than-expected 1Q26 GDP indicates that further stimulus in 2H26 will likely be selective and targeted, consistent with the tone of April's Politburo meeting, rather than aggressive easing. Despite the macroeconomic concerns, institutional and household equity allocations are expected to rise further in 2026, especially if property stabilizes. From an equity allocation perspective, China remains under-owned by both domestic institutional investors and foreign participants, suggesting room for incremental inflows as confidence rebuilds. More importantly, the investment case is increasingly anchored in a potential structural recovery in corporate fundamentals, including rising net profit margins, return on equity, and return on invested capital, supported by policy measures aimed at rationalising competition and improving industry discipline. At the earnings level, revisions breadth for MSCI China—and by extension the A-share universe—has been trending upward since mid-2025, marking the strongest improvement since 2020, despite pockets of pricing pressure in highly competitive segments such as quick commerce. This broad-based improvement in earnings quality and profitability, alongside attractive valuations and still-light positioning, strengthens the case for increasing exposure to onshore equities as the domestic cycle stabilises. China's 15th Five-Year Plan (2026–2030) marks a strategic pivot toward high-quality, innovation-driven growth rather than sheer expansion. Policy emphasis centers on modernizing traditional industries, fostering emerging sectors like AI, quantum technology, green energy, and advanced manufacturing, and achieving greater technological self-reliance amid global supply-chain uncertainties. The plan also prioritizes domestic consumption rebalancing, improved social welfare, and industrial resilience, while maintaining a strong focus on sustainability and carbon peak goals before 2030. Risks include heightened geopolitical tensions and trade tensions. Markets are closely monitoring the upcoming high-level meeting between the US and China, which could influence policy direction and investor sentiment in the months ahead. Fund remains positive on AI thematic as strong global AI infrastructure capex growth in both Taiwan and China. This is supplemented by holdings in names in the ESS supply chain, renewables, innovative drugs, and high-end manufacturing (automation & robotics).

Tinjauan Bulanan

Mei 2026 dibentuk oleh dua tema makro yang dominan: perang Iran yang berterusan dan kitaran pelaburan AI global yang semakin pantas. Konflik Iran terus mengganggu rantaian bekalan tenaga dan laluan perdagangan global, lantas mendorong harga minyak melonjak lebih tinggi lalu mencetuskan tekanan inflasi di seluruh pasaran maju. Hasil Perbendaharaan 30 tahun AS mencecah 5% buat seketika pada awal Mei apabila pedagang menilai potensi pembalikan kadar Fed, manakala ECB memberi isyarat kenaikan kadar menjelang Jun apabila CPI zon euro meningkat melebihi 3% semula. Dari segi perdagangan, sidang kemuncak Trump-Xi di Beijing pada pertengahan Mei — lawatan negara presiden AS yang pertama ke China dalam tempoh sembilan tahun — menghasilkan perjanjian untuk menubuhkan lembaga perdagangan dan pelaburan dua hala bagi menangani masalah akses pasaran dan pertanian. Di luar sidang kemuncak Trump-Xi, Beijing memperkenalkan peraturan pelaburan keluar yang baru (berkuat kuasa mulai 1 Julai), menandakan peralihan ke arah kawalan negara yang jelas lebih ketat ke atas modal, teknologi dan aliran data, lantas meluaskan pengawasan melangkaui pelaburan langsung ke luar negara yang tradisional untuk merangkumi pemindahan IP, perkhidmatan dan pengetahuan berkaitan kakitangan, sambil secara terang-terangan melarang eksport teknologi terhad negara tanpa kebenaran dan data melibatkan aktiviti luar negara. Pada masa yang sama, rangka kerja ini memperkenalkan penguatkuasaan yang lebih ketat (denda, perintah pelupusan, liabiliti peribadi) dan semakan keselamatan negara berlapis, yang menaikkan risiko pelaksanaan dan pematuhan secara material ke atas pelaburan rentas sempadan — terutamanya dalam sektor sensitif seperti AI dan semikonduktor. PMI pembuatan NBS China menunjukkan bahawa momentum pertumbuhan mengundur sedikit pada Mei apabila bacaan menyusut kepada 50.0 daripada 50.3 pada April. PMI bukan pembuatan pulih kepada 50.1 (berbanding 49.4), didorong oleh pemulihan perkhidmatan dan peningkatan sederhana aktiviti pembinaan. PMI pembuatan Taiwan meningkat kepada 56.1 pada Mei (daripada 55.3 pada April), bacaan tertinggi sejak Ogos 2021 dan bulan pengembangan yang keenam berturut-turut. Output meningkat kepada 55.6, yang juga merupakan angka tertinggi sejak Julai 2021, di samping pesanan baharu meningkat dengan pantas. Ia dibandingkan dengan bacaan hanya 48.6 setahun yang lalu pada Mei 2025, menyerlahkan perubahan dramatik dalam kitaran pembuatan Taiwan. Indeks Dow Jones Greater China Islamic Market meningkat 5.65% dalam nilai USD pada Mei. Shanghai Shenzhen 300 meningkat 2.71% dalam USD manakala MSCI China jatuh 3.40% dan indeks Hang Seng Hong Kong susut 2.34%. Sementara itu, pasaran stok Taiwan melonjak 16.02% pada bulan tersebut. Pada bulan ini, Dana mencatat pulangan 9.36%, mengatasi penanda aras sebanyak 388 mata asas. Penyumbang utama mencakupi pegangan berlebihan di Taiwan dengan tetapan pegangan berlebihan dalam stok teknologi AI China dan Taiwan yang meraih kelebihan daripada prestasi kukuh tema AI pada bulan tersebut.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana tetap berpandangan konstruktif terhadap China menjelang separuh kedua tahun 2026. Data ekonomi keseluruhan menunjukkan bahawa China kekal berdaya tahan terhadap pergeseran perdagangan berikutan peningkatan geopolitik baru-baru ini. Sungguhpun diliputi kemuraman sektor hartanah, perbelanjaan domestik yang lebih lembut, dan ketidakpastian global, namun eksport yang kukuh dijangka terus menyokong prestasi mantap sektor sumber hulu dan pembuatan berteknologi sederhana hingga tinggi yang dipacu eksport. KDNK 1Q26 yang lebih kukuh daripada jangkaan menunjukkan bahawa rangsangan selanjutnya pada 2H26 berkemungkinan besar lebih bersifat terpilih dan didasarkan, selaras dengan nada mesyuarat Politburo April, dan bukannya pelonggaran bersifat agresif. Meskipun diterjah kebimbangan makroekonomi, tetapi peruntukan ekuiti institusi dan isi rumah dijangka meningkat lagi pada tahun 2026, lebih-lebih lagi jika hartanah stabil. Dari perspektif peruntukan ekuiti, pelabur institusi domestik dan peserta asing masih kurang memiliki China, menunjukkan ruang buat pertambahan aliran masuk apabila keyakinan terbina semula. Lebih penting lagi, kes pelaburan semakin bertaut

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 31 May 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2026 melainkan jika dinyatakan

dengan potensi pemulihan struktur asas korporat, termasuk peningkatan margin keuntungan bersih, pulangan atas ekuiti, dan pulangan atas modal yang dilaburkan, disokong oleh langkah dasar yang bertujuan untuk merasionalisasikan persaingan dan mengukuhkan disiplin industri. Pada peringkat pendapatan, peluasan semakin semula ke atas MSCI China — dan seterusnya senarai saham-A — telah menunjukkan trend menaik sejak pertengahan 2025, menandakan peningkatan tertinggi sejak 2020, meskipun terdapat tekanan harga dalam segmen yang sangat kompetitif seperti perdagangan pantas. Peningkatan kualiti dan keuntungan pendapatan secara menyeluruh ini, di samping penilaian yang menarik dan kedudukan yang masih ringan, mengukuhkan hujah untuk menambah pendedahan kepada ekuiti dalam negeri apabila kitaran domestik stabil. Rancangan Lima Tahun ke-15 China (2026–2030) menyerlahkan pivot strategik ke arah pertumbuhan berkualiti tinggi dan didorong oleh inovasi serta bukannya pengembangan semata-mata. Penekanan dasar tertumpu pada pemodenan industri tradisional, menyuburkan kemunculan sektor baru seperti AI, teknologi kuantum, tenaga hijau dan pembuatan canggih, serta mencapai kemandirian teknologi yang lebih teguh di tengah-tengah ketidakpastian rantaian bekalan global. Perancangan ini juga mengutamakan pengimbangan semula penggunaan domestik, peningkatan kebajikan sosial dan daya tahan industri, sambil mengekalkan tumpuan pada kemampanan dan matlamat puncak karbon sebelum 2030. Risiko termasuk peningkatan ketegangan geopolitik dan perdagangan. Pasaran akan memantau dengan teliti mesyuarat peringkat tinggi antara AS dan China tidak lama lagi, yang boleh mempengaruhi hala tuju dasar dan sentimen pelabur dalam beberapa bulan mendatang. Dana kekal positif bersandarkan tema AI memandangkan pertumbuhan capex infrastruktur AI global yang kukuh di Taiwan dan China. Ia dikuatkan lagi dengan pegangan dalam saham rantaian bekalan ESS, tenaga boleh diperbaharui, ubat inovatif dan pembuatan canggih (automasi & robotik).

Source / Sumber: Fund Commentary, May 2026, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL